


RONA TINTA

EDISI 2025



FAKULTI PENGURUSAN & PERNIAGAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS REMBAU





CELIK KEWANGAN: JOM MELABUR DALAM SAHAM IPO

Mustafa Kamal Mat & Saflina Azis

Pelaksanaan inisiatif penstrukturan tarif elektrik dan subsidi petrol secara berfokus mampu menjadi asas ekonomi Malaysia lebih baik pada suku keempat 2025 ini. Ia dapat menjadikan pasaran modal yang lebih teguh dan berdaya tahan, sekaligus dapat mengekalkan keyakinan pelabur, merangsang pelaburan dan meningkatkan aktiviti pasaran.

Ini disokong dengan pengumuman optimis Bursa Malaysia Berhad yang menjangkakan dapat membuat penyenaian awam permulaan atau Initial Public Offering (IPO) berjumlah 60 syarikat dengan permodalan pasaran sebanyak RM40.2 billion. Setakat September 2025, sebanyak 39 IPO baru telah disenaraikan melalui pasaran utama, pasaran ACE dan pasaran LEAP.

IPO merupakan saham syarikat baru yang ingin disenarai dan didagangkan di Bursa Malaysia, bagi memberi peluang dan berkongsi kepentingan pegangan saham kepada masyarakat awam. Pihak pemilik syarikat menawarkan pegangan saham ini sebagai balasan kepada modal yang dikongsikan oleh pelabur awam untuk kegunaan syarikat terbabit.

Kenapa syarikat ini mahu menawarkan saham kepada pihak awam? Di antara sebab utama syarikat memilih untuk melaksanakan tawaran IPO adalah untuk:

- mengumpul modal lebih besar dengan cepat agar dapat kembangkan operasi perniagaan;
- meningkatkan profil dan kredibiliti syarikat di mata pelabur dan pelanggan;
- mengurangkan beban hutang dan memperkukuh kedudukan kewangan syarikat.



Pihak syarikat melalui bank pelaburan terpilih akan mengeluarkan dokumen prospektus yang mengandungi maklumat operasi perniagaan, kedudukan kewangan, harga tawaran saham, dan rancangan masa depan untuk dianalisa oleh pelabur sebelum membuat keputusan pelaburan. Oleh demikian, disarankan agar lebih ramai lagi pelabur yang memohon saham IPO ini untuk membuka peluang pendapatan tambahan. Macam mana nak cuba memohon saham ini? Caranya mudah saja, ikut langkah-langkah yang disenaraikan ini.

- **Buka akaun urusanniaga saham**

Setiap urusan permohonan saham IPO perlu dibuat melalui akaun Central Depository Services (CDS). Yang perlu dibuka di mana-mana bank pelaburan yang sah seperti Maybank Investment Bank, Affin Hwang Investment Bank, RHB Investment Bank dan banyak lagi. Yuran pembukaan hanyalah RM10 sahaja, cukup mudah dan murah.

- **Aktifkan akaun bank simpanan untuk saham**

Ini hanya pilihan saja, tidak menjadi kewajipan, namun sesuai untuk kawalan masa depan. Jangan campurkan akaun simpanan ini dengan akaun gaji bagi memudahkan proses semakan dan pemantauan. Akaun ini akan digunakan untuk dana masuk dan keluar daripada akaun saham CDS nanti.

- **Sediakan modal urusanniaga**

Sebagai permulaan, modal tidaklah perlu terlalu besar, memadai dengan kemampuan kita. Jika hendak mula dengan modal RM2,000 pun boleh, yang penting ini adalah duit hasil lebihan tabungan sedia ada. Jangan diusik dana kecemasan. Bagi urusan pembelian saham, modal diperlukan bagi melaksanakan urusanniaga tersebut. Minima pembelian saham adalah sebanyak 100 unit sahaja. Kalau harga saham tersebut RM0.50, maka modal yang diperlukan untuk 1,000 unit saham ialah RM500 saja, kecil kan?



- **Lawati sesawang Bursa Malaysia**

Seterusnya, perlu ada kerajinan untuk melihat dan melawat laman sesawang bursa Malaysia, iaitu https://www.bursamalaysia.com/listing/listing_resources/ipo/ipo_summary bagi mengetahui senarai saham IPO yang ditawarkan kepada pihak awam.

Ikutilah langkah-langkah di atas, nescaya anda tidak sesat. Sekiranya ingin tahu saham tersebut sesuai dibeli atau tidak, bolehlah bertanya soalan kepada penasihat pelaburan yang berlesen, terutamanya penasihat di bank pelaburan yang telah didaftarkan sebelum ini. Mereka pasti akan sedia membantu kerana setiap kali saham dibeli dan dijual, mereka akan menerima sedikit imbuhan.

Ada juga sedikit kelebihan sebagai pelabur bumiputera, di mana mereka boleh memohon saham lebih awal melalui tawaran pihak Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI). Harga saham yang ditawarkan sama seperti harga saham IPO, cuma diberikan kemudahan untuk membeli lebih awal daripada pasaran terbuka. Peluang lebih cerah dan menarik, ramai yang telah berjaya.

Bagi permohonan saham MITI, pelabur perlu mendaftar di laman sesawang MITI yang melibatkan urusan pelaburan saham ini. Mudah juga nak daftar, tak perlu yuran pun, cuma perlukan penyata akaun bank. Penyata ini sebagai bukti bahawa pelabur ada wang yang cukup untuk memohon dan membayar harga saham jika permohonan berjaya nanti.

Rebutlah peluang yang ada sebagai persediaan untuk masa depan. Mungkin selepas bersara, tumpuan boleh diberikan secara sepenuh masa untuk menjalankan urusanniaga saham ini. Masa yang ada ini boleh digunakan untuk mencari ilmu sebanyak mungkin sebagai panduan untuk urusanniaga saham kelak. Ini dapat membantu bagi mengelakkan terpedaya dengan janji-janji mewah mempengaruhi pelaburan yang sentiasa mencari peluang untuk mereka lebih kaya. Jika rasa susah dan sukar untuk faham, penulis sedia dihubungi untuk membantu para pelabur yang berminat. Penulis juga sedia untuk memberikan bengkel asas pembukaan dan pendaftaran akaun saham yang diperlukan. Jom ramai-ramai jadi pelabur bijak dan melabur dalam saham IPO yang berpotensi tinggi.